

MINISTERI MALAYSIA NEGERI 13 NOV 2015 m/s (2)

## UMP dianugerah status autonomi



**DR. DAING NASIR IBRAHIM**

**KUANTAN 28 NOV** - Universiti Malaysia Pahang (UMP) dianugerahkan status autonomi oleh Kementerian Pendidikan Tinggi yang membolehkan universiti tersebut bergerak dengan lebih berkesan dalam mencapai agenda kecemerlangannya.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, penganugerahan berkenaan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan empat bidang utama iaitu tadbir urus institusi, kewangan, sumber manusia dan akademik dengan menggunakan Kod Panduan Amalan Tadbir Urus Terbaik (CUGG) serta Indeks Tadbir Urus Universiti Terbaik (UGGI).

"Autonomi membawa maksud penurunan kuasa daripada agensi pusat kepada Lembaga Pengaruh Universiti (LPU) bagi membolehkan universiti bergerak dengan berkesan mencapai agenda kecemerlangan."

"LPU merupakan prasyarat penting bagi mewujudkan persekitaran kampus dinamik menerusi pengurusan institusi pengajian tinggi awam yang lebih berdaya saing berteraskan integriti dan akauntabiliti tinggi serta perlu dipatuhi oleh pentadbiran universiti," katanya di sini hari ini.

Penganugerahan status autonomi berkenaan akan disampaikan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh kepada Pengurus Lembaga Pengaruh UMP, Datuk Seri Mohd. Hilmy Mohd. Taib sempena majlis perasmian kampus utama universiti itu di Pekan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak esok.

Turut dijadual berlangsung acara pertukaran dokumen memorandum persefahaman dan perjanjian melibatkan 11 industri bagi menjalinkan kerjasama strategik dalam pelbagai bidang. Antara yang terlibat, Sedia Corporation, Evolva SA, Majlis Amanah Rakyat (Mara), Johor Corporation Berhad (JCorp), Cosway (M) Sdn. Bhd., Yayasan Sabah, Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp), Jabatan Kerja Raya (JKR), Ranhill Utilities Sdn. Bhd., Inaspro Resources Sdn. Bhd. dan Gaya Naturals Sdn. Bhd.